



**MEDIA ONLINE /  
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

**9 OKTOBER 2017**

**Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat**

## ISU : "WORLD SKILL COMPETITION"

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	9 OKTOBER 2017 (ISNIN)	<b>SINAR HARIAN</b> Malaysia menyertai kemahiran pertandingan di Abu Dhabi	<b>TIMB. MENTERI KSM</b>

### AKHBAR : SINAR HARIAN

#### Malaysia menyertai kemahiran pertandingan di Abu Dhabi



*Ismail menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Warga Emas, Ibu Tunggal serta OKU Masyarakat India Sempena Sambutan Hari Deepavali Peringkat Parlimen Maran 2017 di Kampung Awah.*

**MARAN** - Malaysia akan menghantar seramai 20 peserta ke pertandingan kemahiran peringkat dunia, World Skill Competition selama tujuh hari bermula 13 oktober ini di Abu Dhabi. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abdul Mutallib berkata, 70 negara akan menyertai pertandingan yang diadakan dua tahun sekali dan membabitkan kira-kira 50 acara itu. Menurutnya, bagaimanapun Malaysia hanya akan menyertai 21 dari 50 acara dipertandingkan.

"Kita menyasarkan sekurang kurangnya akan memenangi lima pingat antaranya bidang kejuteraan, elektronik, bahagian persolekan dan andaman, jahitan dan penyediaan makanan," katanya. Beliau berkata dmeikian pada sidang media Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Warga Emas, Ibu Tunggal serta OKU Masyarakat India Sempena Sambutan Hari Deepavali Peringkat Parlimen Maran 2017 di Kampung Awah, di sini. Hadir sama, Ketua MIC Bahagian Maran G Poongavanam.

Ismail yang menjadi ketua perwakilan itu berkata, pada pertandingan World Skill tahun lepas, negara hanya memenangi satu pingat gangsa dalam bahagian solekan dan mendapat 16 penghargaan dalam pelbagai bidang disertai. Katanya, sukar untuk memenangi lebih banyak pingat terutamanya emas kerana ia sangat mencabar dan perlu bersaing dengan negara yang jauh lebih maju. Menurutnya, bagaimanapun pada pertandingan Asian Skill Competition di Kuala Lumpur tahun lepas, negara berjaya memenangi 22 pingat emas dalam acara disertai sementara ketika pertandingan 2014 di Hanoi, sembilan emas pingat diperoleh.

Beliau berharap pertandingan disertai kali ini akan mendedahkan lebih banyak ilmu serta pengalaman kepada peserta sebagai persediaan untuk pertandingan akan datang. Dalam pada itu Ismail berkata, kerajaan akan terus memperkasakan bidang latihan kemahiran (TVET) di peringkat sekolah dan lepasan sekolah supaya ia dapat melahirkan lebih ramai tenaga pekerja tempatan yang mahir dan terlatih. Katanya, negara memerlukan tenaga pekerja mahir terlatih yang ramai untuk mengisi keperluan tenaga kerja yang masih belum lagi mencukupi serta mengelakkan kebergantungan tenaga pekerja asing.

#### **ISU : HUTANG TERTUNGGAK DENGAN BADAN BERWAJIB**

<b>BIL.</b>	<b>TARIKH</b>	<b>AKHBAR &amp; TAJUK BERITA</b>	<b>PIHAK TERLIBAT</b>
<b>1.</b>	<b>9 OKTOBER 2017 (ISNIN)</b>	<b>KOSMO</b> Sarawak bakal lupakan Liga Super	<b>PERKESO</b>

#### **AKHBAR : KOSMO**

##### **Sarawak bakal lupakan Liga Super**

SARAWAK mungkin terpaksa melupakan saingan Liga Super pada 2018 susulan berdepan masalah isu pelesenan yang gagal diselesaikan dengan Football Malaysia Limited Liability Partnership (FMLLP). Presiden Persatuan Bolasepak Sarawak (FAS), Datuk Posa Majais berkata, mereka tidak ada pilihan memandangkan FMLLP memberi tempoh hingga 16 Oktober ini untuk menghantar dokumen dan menyelesaikan hutang tertunggak sebelum boleh memperbaharui lesen.

“Hutang tertunggak tersebut turut melibatkan badan-badan berwajib seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Simpanan Wang Pekerja dan Perkeso. “Masalahnya, kami tidak tahu dan tidak ada kuasa untuk mengetahui jumlah hutang tertunggak itu memandangkan ia diuruskan oleh pengurusan terdahulu iaitu FAS FMG Sdn. Bhd.,” katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat Exco FAS di Kuching semalam. Difahamkan, jumlah hutang tertunggak FAS itu hampir RM1 juta.

Menurut Posa, pihaknya hanya dapat menyediakan laporan kewangan interim yang diminta oleh FMLLP iaitu Januari hingga Jun tahun ini seperti yang dikehendaki. “Selebihnya adalah laporan kewangan beraudit bagi tempoh 2012 hingga 2016, namun kami tidak mempunyai dokumen tersebut kerana ia diuruskan oleh pengurusan lama. “Kami juga tidak pasti jika mereka memiliki wang untuk membayar tunggakan terbabit,” ujarinya. Posa memberitahu, beliau menyertai FAS pada Januari lalu dan hanya bertanggungjawab terhadap perkara yang berlaku sejak mengambil alih.

“Itu pun kita sudah membayar kompaun mencecah puluhan ribu ringgit berkait hutang-hutang ini,” jelasnya. Jelas beliau, perbincangan dengan pengurusan FAS FMG Sdn. Bhd. telah dilakukan pada 11 September lalu dan mereka bersetuju untuk membayar hutang, manakala pihaknya pula menanggung segala hutang atas nama FAS. FAS FMG Sdn. Bhd. didaftarkan pada 17 Disember 2008 dan pengerusinya ialah bekas Presiden FAS, Datu Sudarsono Osman. Posa memberitahu, pihaknya akan merayu kepada FMLPP bagi memohon penangguhan notis sebelum 16 Oktober ini berikutan masalah yang dialami itu agak rumit. Tambah beliau, pihaknya berusaha keras untuk menyelesaikan isu tersebut agar pasukan Sarawak kekal bersaing dalam Liga Super pada musim depan.

## ISU : CARUMAN PERKESO

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	9 OKTOBER 2017 (ISNIN)	SINAR HARIAN Kaji semula caruman PERKESO	PERKESO

### AKHBAR : SINAR HARIAN

#### Kaji semula caruman PERKESO

**BERA** - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) perlu mengkaji semula syarat caruman ditetapkan supaya semua pekerja di negara ini layak mencarum skim itu terutamanya golongan yang bekerja sendiri. Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas negeri, Datuk Norol Azali Sulaiman berkata, individu yang bekerja di bawah syarikat layak untuk mencarum berdasarkan kriteria tertentu berbanding golongan yang bekerja sendiri di bawah syarikat berstatus 'enterprise'.

Menurutnya, setakat ini, individu yang bekerja sendiri yang layak mencarum skim Perkeso adalah pemandu taksi sahaja berdasarkan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 yang diluluskan pada April lalu. "Kajian semula perlu supaya faedah Perkeso dapat diperluaskan termasuk faedah penyakit yang berpunca daripada pekerjaan pekerja, hilang upaya sementara, hilang upaya kekal, kebergantungan, manfaat pengebumian dan perubatan untuk individu yang bekerja sendiri.

"Bagaimanapun, individu yang bekerja sendiri terutamanya dalam industri pertanian, perladangan dan penternakan juga sering berhadapan dengan pelbagai risiko dan sewajarnya membolehkan mereka mencarum skim ini," katanya. Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Taklimat Perkeso bersama Masyarakat, Belia dan Adun Guai yang turut dihadiri Pengurus Perkeso Temerloh, Tarmizi Mukhtar, dan Pengurus Rancangan, Azemim Mamat, di sini kelmarin.

Pada program itu, penduduk didedahkan mengenai manfaat mencarum skim Perkeso sekali gus meningkatkan pengetahuan mereka mengenai hak-hak pencarum sekiranya berlaku musibah. Norol Azali berkata, komitmen Perkeso menyampaikan maklumat berkaitan skim itu secara berterusan membuatkan lebih ramai individu bekerja sendiri berminat mencarum perlindungan keselamatan sosial yang boleh memberikan faedah kepada diri sendiri juga ahli keluarga.

"Walaupun Perkeso membawa banyak penambahbaikan faedah atau manfaat kepada pencarumnya namun ia perlu terus diperhalusi dan dikemas kini dari semasa ke semasa termasuk syarat kelayakan mencarum. "Mungkin Perkeso boleh melonggarkan syarat ditetapkan memandangkan individu yang bekerja sendiri juga mempunyai kesedaran untuk melindungi diri mereka kerana berdepan dengan risiko di tempat kerja atau semasa penggunaan peralatan," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau yang juga Adun Guai menyarankan Perkeso supaya menjalinkan usaha sama dengan pengurusan Felda untuk mewujudkan pakej perlindungan bersesuaian kepada pekerja di kawasan tanah rancangan Felda.

## ISU : TVET

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	9 OKTOBER 2017 (ISNIN)	<b>THE SUN DAILY</b> Limkokwing University plan's to 'export' TVET M'sia to Botswana	<b>LIMKOKWING UNIVERSITY</b>

### AKHBAR : THE SUN DAILY

#### Limkokwing University plan's to 'export' TVET M'sia to Botswana

**GABORONE (Botswana):** Limkokwing University of Creative Technology plans to 'export' Technical and Vocational Education and Training (TVET) Malaysia to Botswana in creating a large pool of skilled workforce for economic development in the African country. Its founder and president, Tan Sri Lim Kok Wing said the Botswana government was keen to work with the university to create a TVET model that would be suitable for the country in empowering its people.

"I met the Vice President of Botswana Mokgweetsi Masisi and he suggested that the university work together to promote skills and turn Botswana into a beacon of Africa. "We are going to introduce the TVET Malaysia content here. Maybe in a year's time. They (Botswana government) have high hopes and big dream on us. They believe in working together with us," he told Malaysian reporters after visiting the Limkokwing University Botswana campus, recently.

Limkokwing University, one of the most well-known Malaysian brands for international education in the African region has four branch campuses in that continent - Botswana, Lesotho, Swaziland and Sierra Leone. Lim said Limkokwing Institute of Creative Technology (it was then known) was established in 1991 and a lot of the programmes were TVET-driven. "Even today, 70% of what we do is still skills-driven and practice-based. We comply fully with the Malaysian Qualification Agency (MQA) but we add a lot more skills on it.

"Our students are confident as they are equipped with the skills and they know they will do well," he said. In April, Lim was honoured for his contribution to TVET. The Accreditation Service for International Colleges (Asic) from the United Kingdom bestowed Limkokwing University with the Global TVET Model University Award and Lim with the Transformation Leadership in Global TVET Education Award. The awards acknowledge Lim's pioneering endeavours to bring industry into education, which has changed the landscape of private education in Malaysia as well as in the 10 countries that house the Limkokwing brand.

Lim has also been appointed as TVET UK International president. TVET UK is an organisation from Britain which enables international customers to access the UK's leading TVET providers and suppliers through a single point of contact. Last month, Malaysia's Prime Minister, Datuk Seri Najib Abdul Razak announced that the government would develop a comprehensive TVET masterplan to further drive forward the transformation of TVET. Besides that, Najib also announced new initiatives including the RM50 million pool fund for strategic TVET programmes, and RM75 million fund to support Industrial Revolution 4.0 through cooperation with educational institutions and employer associations.

## ISU : JOB FAIR UTC 3.0

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	9 OKTOBER 2017 (ISNIN)	<b>BORNEO POST</b> Job fair attracts over 6,000 job-seeker	<b>DOSH</b> <b>SOCSCO</b> <b>JTK SARAWAK</b>

### AKHBAR : BORNEO POST

#### Job fair attracts over 6,000 job-seeker



*Jack (left) presents a certificate of appreciation to Social Security Organisation (Socso) Sibü deputy manager Jimmy Hendrick Kijan, while others look on at the Job Fair Programme @ UTC 3.0.*

**SIBU:** The national-level 'Job Fair Programme @ UTC 3.0' at Sibü Central Market last Saturday attracted some 6,000 job-seekers. Sarawak Labour director Jack Meredu Ko said "740 vacancies for various posts were offered by 20 employers that day. 623 job applicants gained employment as safety officers, IT executives, human resource executives, financial consultants, admin executives." The objective of the programme was to assist job seekers in Sibü, Kapit, Mukah, Selangau, Sarikei, Saratok and Bintulu to meet up with potential employers.

Besides the 20 companies, three agencies under the Ministry of Human Resources-Department of Occupational Safety and Health (Dosh)-Social Security Organisation (Socso)-Advanced Technology Training Centre (Adtec) as well as three Azam participants also took part in the programme. From the 740 vacancies offered, manufacturing formed the bulk at 382, followed by agriculture, forestry and fisheries (182); accommodation, food and beverages service (70); wholesalers and retailers, motorcars and motorcycles repairing (46), construction (40) and financial and insurance/Takaful (20). Jack said the department has organised 15 job fairs throughout Sarawak in 2017. "Job Fair @UTC 3.0 at Sibü was the 15th Job Fair. The department is planning Job Fair 2018 and we will announce the programmes soon," he said.